

Muhyiddin bersemuka dengan Mahathir hari ini

Oleh LAWRENCE QUEK

PETALING JAYA 14 Mac — Tan Sri Muhyiddin Yassin akan bersemuka sendiri dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi mengemukakan bukti terdapat pihak yang mengarahkan bahagian tertentu di Johor agar tidak mencalonkannya untuk jawatan Naib Presiden.

Menurut Muhyiddin, beliau akan bertemu secara peribadi dengan Presiden parti semasa mesyuarat jemaah menteri esok bagi memberi penjelasan dan kedudukan sebenar masalah tersebut.

“Ini soal politik dan saya akan berjumpa (Dr. Mahathir) secara peribadi esok dan saya akan berikan bukti mengenai perkara ini.

“Saya akan cuba memberi penjelasan mengenai masalah ini supaya perkara ini tidak berlaku lagi,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan buku *Memahami Kepenggunaan*, di sini pagi ini.

● Komen Ghani — Muka 3

Buku tulisan Profesor Dr. Hamdan Adnan itu diterbitkan oleh Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA). Hamdan ialah Presiden FOMCA.

Dr. Mahathir hari ini dilaporkan mahu Muhyiddin membuktikan dakwaannya kepada Majlis Tertinggi berhubung tindakan pihak terbabit tidak mencalonkannya bagi jawatan Naib Presiden.

Menurut Dr. Mahathir, bukti perlu diketengahkan bagi membolehkan MT membincang dan meneliti masalah itu.

Muhyiddin sebelum ini berkata, 16 dari 20 bahagian di Johor telah diarahkan tidak mencalonkannya sebagai Naib Presiden.

Menurut Muhyiddin, beliau terpaksa bertemu sendiri dengan Presiden kerana penyampai maklumat

dan orang yang mengetahuinya meminta supaya masalah itu dirahsiakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu memberitahu, beliau menghadapi kesukaran untuk mengetengahkan masalah berkenaan disebabkan tidak berada dalam Majlis Tertinggi (MT).

Muhyiddin yang juga Ketua UMNO Bahagian Pagoh menjelaskan, pihak terbabit mahu masalah itu dirahsiakan kerana tidak mahu menjadi mangsa balas dendam.

“Saya akan bincangkan masalah ini supaya tidak dianggap mende-

dahkannya kepada khalayak sebab ada yang meminta supaya dirahsiakan.

“Bagaimanapun ia berkaitan dengan soal prinsip, demokrasi dan kepentingan parti,” katanya.

Sehubungan itu beliau menegaskan, sistem pencalonan yang diamalkan sekarang perlu dikaji semula kerana ia telah digunakan oleh pihak tertentu untuk mengadakan pakatan sesama sendiri.

Tambahnya, pakatan itu dibuat dengan menetapkan terlebih dulu nama-nama calon untuk bertanding sesuatu jawatan terutama Naib Presiden.